

PDRM, Interpol sekat kepulauan 132 militan Daish warga Malaysia - Zahid Astro Awani
Februari 20, 2016

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menegaskan kerjasama erat itu penting agar kestabilan negara dan hubungan antara masyarakat tidak akan terancam. - Gambar Fail

KUCHING: Kerjasama rapat antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Interpol bagi menyekat seramai 132 warga Malaysia yang menjadi anggota kumpulan militan daish di Syria dan Iraq agar tidak kembali ke tanah air.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menegaskan kerjasama erat itu penting agar kestabilan negara dan hubungan antara masyarakat tidak akan terancam.

"Negara ini milik semua etnik yang pelbagai dan kita mahu pastikan keamanan dan kestabilan negara sentiasa terjamin di negara ini," kata Ahmad Zahid ketika berucap pada majlis sambutan Tahun Baharu Cina anjuran Majlis Bandaraya Kuching Selatan di sini, hari ini.

Pada masa yang sama, beliau menegaskan Islam adalah agama keamanan dan tidak mengajar masyarakat supaya membunuh orang lain terutama mereka yang bukan islam seperti yang dianjurkan oleh militan daish.

Beliau juga menyeru agar setiap individu dalam masyarakat sentiasa menyokong tugas pihak polis dalam memastikan keselamatan terus terjamin.

"Jangan dibiarkan polis bersendirian dalam melaksanakan tugas menjaga keharmonian. "Polis mesti terus bersama-sama dengan rakyat, dan itulah sebabnya kita ada '*community policing*'," ujarinya.

Tag: [Ahmad Zahid Hamidi](#), [Timbalan Perdana Menteri](#), [Daish](#), [Daesh](#), [militan](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pdrm-interpol-sekat-kepulauan-132-militan-daish-warga-malaysia-zahid-95288>